



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2025 (MAC)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



HARIAN METRO - 01.03.2025 (SABTU)

LIMA RASUAH E-WASTE

*Suspek disyaki minta rasuah
sebagai balasan tak ambil
tindakan penguatkuasaan*

Rinala Fathiyur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lima penjawat awam kerana disyaki meminta dan menerima rasuah sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kilang sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) di sebuah daerah di selatan tanah air.

Menurut sumber SPRM, penahanan itu susulan tangkapan 18 individu pada Selasa lalu kerana dipercayai terbabit aktiviti rasuah berkaitan pengoperasian kilang *e-waste*.

Sumber itu memaklumkan perintah reman enam hari terhadap kesemua suspek dikeluarkan Majistret Nur Affiqah Radhiah Zainurin selepas permohonan dibuat oleh SPRM di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, Melaka.

"Kesemua suspek lelaki berusia 20 hingga 40-an itu ditahan jam 7 hingga 9 malam semalam ketika hadir beri keterangan di Pejabat SPRM Melaka.

"Siasatan awal mendapati ada dalam kalangan penjawat awam itu menerima rasuah secara *one-off* antara RM1,000 hingga RM20,000 sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kilang *e-waste* terbabit," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, terdapat juga pegawai yang mengutip wang rasuah sebanyak RM12,000 sebulan daripada kilang *e-waste* berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi, mengesahkan penahanan terbabit dan berkata kes itu disiasat mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Khamis lalu, Polis Diraja Malaysia dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar menumpaskan kegiatan memproses *e-waste* secara haram di seluruh negara, membabitkan nilai rampasan berjumlah RM3.8 bilion bagi tempoh 1 Jan 2024 hingga 17 Februari 2025.

"Siasatan awal mendapati ada dalam kalangan penjawat awam itu menerima rasuah secara *one-off* antara RM1,000 hingga RM20,000 sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kilang *e-waste* terbabit"



SINAR HARIAN - 01.03.2025 (SABTU)

Terima suapan sehingga RM20,000

SPRM tahan lima penjawat awam disyaki lindungi kilang e-waste

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SHAH ALAM

Lima penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai menerima rasuah secara *one off* antara RM1,000 hingga RM20,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kilang e-waste.

Sumber berkata, SPRM me-

nahkan kumpulan penjawat awam itu susulan penangkapan 18 warga tempatan pada Selasa lalu kerana disyaki meminta dan menerima rasuah.

"Ini sebagai balasan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang e-waste di salah sebuah daerah di negeri selatan tanah air," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut sumber lagi, kesemua suspek lelaki berusia antara 20 hingga 40-an itu ditahan antara jam 7 hingga 9 malam pada Rabu di pejabat SPRM Melaka ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, ada antara pegawai



ZAINUL

itu yang mengutip wang rasuah sebanyak RM12,000 sebulan daripada kilang-kilang e-waste ini.

Difahamkan perintah reman selama enam hari sehingga Selasa depan dikenakan terhadap kesemua suspek.

Keputusan reman itu dikeluarkan

Majistret Nur Affiqah Radhiah Zainurin, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret, Ayer Keroh, Melaka pada Khamis.

Pengarah Karian Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (b) (A) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN - 01.03.2025 (SABTU)

Rasuah ADUN Sabah: SPRM perlu bertindak selari kenyataan PM

KUALA LUMPUR - Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau tidak peduli sebesar atau setinggi mana kedudukan seseorang yang terpalit rasuah didakwa memberi tamparan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menolak bukti video dalam skandal rasuah melibatkan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Sabah.

Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) merangkap Ketua Badan Pimpinan Negeri Bersatu Sabah, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, alasan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki bahawa video berkenaan telah disunting dan tiada kredibiliti bertentangan dengan naratif serta kesungguhan Perdana Menteri yang cuba menggambarkan dirinya sebagai pejuang anti-rasuah.

Dakwanya, video tersebut memaparkan dengan terang lagi jelas mengenai rasuah projek cari gali mineral di negeri tersebut.

"Dalam hal ini, Bersatu Sabah menggesa SPRM meneliti semula kenyataan bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya yang menyatakan bahawa video skandal rasuah ADUN Sabah merupakan bukti yang wajib disiasat.

"Malah, Latheefa turut menegaskan beliau tidak bersetuju dengan pandangan



RONALD

Azam bahawa video yang disunting tidak boleh dijadikan bukti," katanya dalam satu kenyataan di Facebook pada Jumaat.

Ketika berucap merasmikan Bulan Wakaf Kebangsaan 2025 di Putrajaya pada Khamis, Anwar dilaporkan berkata, beliau tidak mengizinkan perbuatan rasuah dan akan cuba sedaya upaya membersihkan perbuatan tersebut walaupun ia membabitkan individu berpangkat tinggi.

Dakwaan skandal rasuah melibatkan ADUN Sabah sebelum ini mencetuskan kontroversi apabila rakaman video yang didakwa memaparkan urusan rasuah berkaitan projek cari gali mineral di negeri itu tular di media sosial.

Bagaimanapun, SPRM dilaporkan berkata, rakaman tersebut tidak boleh dijadikan asas siasatan kerana telah disunting.

Dalam pada itu, Ronald menegaskan, SPRM seharusnya bertindak selari dengan kenyataan Perdana Menteri yang mahu tindakan diambil terhadap semua yang terlibat dalam rasuah tanpa mengira kedudukan atau jawatan.

"Saya juga pasti SPRM tidak berhasrat melihat kerajaan Madani ini dilabel sebagai tidak serius dan mengamalkan penyiasatan serta pendakwaan terpilih dalam usahanya memerangi rasuah," ujarnya.



METRO AHAD - 02.03.2025 (AHAD)

WARTAWAN DITAHAN SPRM

20K TAK KELUAR BERITA

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wartawan sebuah portal berita tempatan di sebuah hotel di Shah Alam, Selangor bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi berkata, penahanan wartawan lelaki itu dibuat jam 11 malam kelmarin berhubung dakwaan kes rasuah dan bukannya mengenai sebarang laporan berita yang ditulisnya sebelum ini.

"Wartawan itu dipercayai meminta sejumlah wang daripada seorang ejen pekerja asing berjumlah RM20,000 untuk tidak mengeluarkan artikel berhu-

"Penahanan wartawan lelaki itu dibuat jam 11 malam kelmarin, berhubung dakwaan kes rasuah dan bukannya mengenai sebarang laporan berita yang ditulisnya"

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki

bung isu penyeludupan pendatang asing," katanya. Wartawan berkenaan kini direman selama empat hari bermula semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009. - Bernama



SPRM menahan seorang wartawan sebuah portal berita tempatan di sebuah hotel di Shah Alam, Selangor.



SINAR AHAD - 02.03.2025 (AHAD)

Sinar Ahad - 2/3/25 **Wartawan portal berita ditahan bantu siasatan kes rasuah**

PUTRAJAYA- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wartawan sebuah portal berita tempatan di sebuah hotel di Shah Alam, Selangor, kira-kira 11 malam Jumaat, bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi *Bernama* berkata, penahanan wartawan lelaki itu dibuat berhubung dakwaan kes rasuah dan bukannya mengenai sebarang laporan berita yang ditulisnya.

Wartawan berkenaan kini dimeran selama empat hari bermula Sabtu dan kes disiasat mengikut

Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Sebuah portal berita pada Sabtu melaporkan seorang wartawannya ditahan SPRM.

Azam berkata, wang tunai berjumlah kira-kira RM20,000 telah disita.

Sementara itu menurut sumber, wartawan berkenaan disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM20,000 sebagai balasan untuk menurunkan artikel yang dimuat naik serta tidak menulis lagi ten-



AZAM BAKI

tang sebuah agensi pekerja asing yang didakwa terbabit dalam sindiket.

"Suspek ditahan kerana dipercayai meminta dan menerima rasuah, bukannya sebab laporan berita yang ditulisnya mengenai pendatang asing.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki meminta wang rasuah RM100,000 tetapi setelah berunding, dia bersetuju menerima 'pendahuluan' kira-kira RM20,000," jelasnya.



SINAR AHAD - 02.03.2025 (AHAD)

Sinar Ahad
2/3/25

SPRM akan panggil semula Ismail Sabri

Bantu siasatan kes dikaitkan dengan rasuah, pengubahan wang haram

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil semula bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bagi membantu siasatan berhubung beberapa kes yang dikaitkan dengan rasuah serta pengubahan wang haram.

Menurut sumber, SPRM telah mengambil keterangan Ahli Parlimen Bera itu pada minggu lalu.

"Ia hasil maklumat yang diterima dan

risikan terbaharu, SPRM telah memanggil serta menemuduga beliau (Ismail) selama kira-kira lima jam bagi membantu siasatan.

"SPRM tidak menolak kemungkinan akan memanggil semula beliau, namun ia bergantung pada masa dan keadaan, terutama tahap kesihatannya," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Sebelum itu, empat bekas pegawai termasuk dua individu bergelar Datuk yang mempunyai kaitan dengan Ismail telah direman oleh SPRM pada 21 Februari lalu kerana disyaki terbabit dalam rasuah.

Selain itu, seorang pegawai eksekutif sebuah yayasan dan seorang wanita yang juga pembantu kepada seorang pegawai khas terbabit turut ditahan.



ISMAL

Penahanan itu dilakukan SPRM mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Berikutan itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, dalam kenyataan pada Khamis lalu, dilaporkan berkata lapan lagi saksi akan dipanggil dalam masa terdekat bagi membantu siasatan berhubung penahanan empat pegawai bekas Perdana Menteri ke-9 itu.

Difahamkan, beberapa kes sedang disiasat oleh SPRM ketika ini, antaranya membabitkan perbelanjaan dana kerajaan berjumlah RM700 juta bagi tujuan promosi dan publisiti.



BERITA HARIAN - 03.03.2025 (ISNIN)

Kes rasuah empat pegawai PM ke-9

Wang tunai RM170j, 16kg jongkong emas RM7j disita

**Siasatan fokus
perbelanjaan dan
perolehan dana
bagi tujuan
promosi, publisiti**

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita wang tunai berjumlah kira-kira RM170 juta dalam pelbagai mata wang asing dan merampas 16 kilogram jongkong emas bernilai hampir RM7 juta dalam siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan pegawai kanan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

SPRM berkata, mata wang asing yang dirampas itu adalah dalam nilai Baht, Riyal, Pound Sterling (BP), Won, Euro, Swiss Franc dan Yuan.

Katanya, fokus siasatan terhadap bekas Perdana Menteri ke-9 tertumpu kepada perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi serta publisiti ketika beliau menerajui pentadbiran negara.

"Siasatan ini dijalankan me-

ngikut Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001," kata SPRM dalam kenyataannya, semalam.

SPRM berkata, Ismail Sabri diarahkan membuat pengisytiharan harta mengikut Seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 pada 11 Disember lalu.

"Pengisytiharan harta itu dilakukan secara rasmi pada 10 Februari 2025," katanya.

Menurut SPRM, rampasan wang tunai dan jongkong emas itu adalah hasil siasatan terhadap empat pegawai kanan bekas Perdana Menteri terbabit yang membawa kepada serbuan terhadap kediaman dan tiga premis lain yang dipercayai menjadi *safe house*.

"Untuk makluman, Ismail Sabri sudah hadir ke pejabat SPRM untuk memberikan keterangan pada 19 Februari lalu.

"Namun SPRM tidak menolak kemungkinan bahawa beliau akan dipanggil semula bagi membantu siasatan selanjutnya," katanya.

SPRM berkata, pihaknya juga sudah mengenal pasti hampir 10 saksi yang akan dipanggil dalam masa terdekat untuk membantu siasatan.

"Suruhanjaya ini ingin menegaskan bahawa siasatan dijalan-

kan secara bebas, profesional, dan mengikut lunas undang-undang yang berkuat kuasa.

"SPRM komited untuk memastikan bahawa sebarang bentuk salah laku berkaitan rasuah dan pengubahan wang haram ditangani dengan tegas demi kepentingan negara," katanya.

Bantu siasatan lanjut

Sebelum ini, *BH* melaporkan dua individu bergelar Datuk antara empat pegawai kanan Ismail Sabri yang ditahan SPRM untuk membantu siasatan lanjut terhadap beberapa kes yang dikaitkan dengan rasuah ketika era pentadbiran negara diketuai Ismail Sabri.

Selain itu, seorang pegawai ek-

sekutif sebuah yayasan dan seorang wanita yang juga pembantu kepada seorang pegawai khas terbabit turut ditahan oleh agensi antirasuah itu.

Pada 19 Februari lalu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera, memberi keterangan selama lima jam selepas SPRM memperoleh maklumat baharu daripada hasil risikan yang dibuat.

Hasil keterangan Ismail Sabri membawa kepada penahanan empat pegawai kanan beliau tiga hari selepas itu.

Keempat-empat mereka sudah dibebaskan dengan jaminan selepas tamat tempoh reman masing-masing, sementara SPRM meneruskan siasatan.





BERITA HARIAN - 03.03.2025 (ISNIN)

Wang tunai RM170 juta, jongkong emas disita

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita wang tunai kira-kira RM170 juta dalam pelbagai mata wang antarabangsa serta 16 kilogram jongkong emas bernilai hampir RM7 juta hasil pemeriksaan di beberapa lokasi berkaitan siasatan rasuah dan pengubahan wang haram yang didakwa berkait bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

SPRM menerusi kenyataan pada Ahad memaklumkan, operasi penggeledahan itu dijalankan di kediaman serta tiga premis lain yang dipercayai dijadikan *safehouse* susulan penahanan empat pegawai kanan yang berkhidmat di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri berkenaan.

"Pemeriksaan di lokasi itu membawa kepada sitaan wang tunai berjumlah kira-kira RM170 juta dalam pelbagai mata wang antarabangsa seperti baht, riyal, pound sterling, won, euro, swiss franc dan yuan serta 16 kilogram jongkong emas tulen yang dianggarkan bernilai hampir RM7 juta," menurut kenyataan itu.

SPRM menumpukan siasatan kepada perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi serta publisiti semasa Ismail Sabri menerajui negara.

"Fokus siasatan di bawah Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001. Ismail Sabri juga diminta membuat pengisytiharan harta di bawah Seksyen 36(1) Akta SPRM 2009 pada 11 Disember 2024 dan pengisytiharan rasmi dibuat 10 Februari lalu," menurut SPRM.

Bekas Perdana Menteri itu turut hadir memberi keterangan di pejabat SPRM pada 19 Februari lalu dan berkemungkinan akan dipanggil semula bagi membantu siasatan.



BERITA HARIAN - 03.03.2025 (ISNIN)

Penahanan wartawan portal berita itu dibuat berdasarkan bukti kukuh

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan pihaknya tidak pernah memilih bulu dalam menjalankan siasatan membabitkan isu rasuah termasuk terhadap individu bergelar wartawan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata,



Laporan Sinar Ahad pada 2 Mac lalu.

penahanan seorang wartawan portal berita baru-baru ini dibuat berdasarkan bukti kukuh bahawa lelaki terbabit dipercayai meminta dan menerima suapan wang tunai sebanyak RM20,000.

Menurutnya, siasatan mendapati wang itu diterima sebagai balasan bagi menurunkan artikel yang disiarkan serta tidak menerbitkan lagi laporan mengenai sebuah agensi pekerja asing yang didakwa terbabit dalam sindiket kemasukan pekerja asing.

"SPRM tidak pernah pilih bulu dalam melaksanakan siasatan. Sesiapa sahaja yang terbabit dalam rasuah, termasuk wartawan atau ahli politik, tetap akan disiasat tanpa pengecuali-

SPRM nafi pilih bulu kes tahan wartawan



AZAM

an," katanya pada Ahad.

Beliau mengulas gesaan sesetengah pihak yang memper-tikaikan tindakan SPRM menahan wartawan terbabit, sebaliknya meminta siasatan lebih tertumpu kepada dakwaan rasuah membabitkan ejen pekerja asing dan

pegawai imigresen di pintu masuk negara.

Sebelum ini, Setiausaha Agung Pas, Datuk Seri Takiyuddin Hassan menyifatkan tindakan menahan wartawan itu sebagai 'janggal' kerana individu terbabit hanya melaporkan dakwaan salah laku membabitkan penyeludupan pekerja asing tanpa izin (PATI).

"Pas percaya lebih wajar



Wartawan terbabit (kanan) kini direman selama empat hari sehingga 4 Mac.

SPRM mendahulukan siasatan terhadap dakwaan sindiket penyeludupan PATI berbanding menahan wartawan yang sekadar menjalankan tugas," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, penahanan wartawan berusia 49 tahun itu dibuat selepas siasatan mendapati suspek meminta wang suapan sebanyak RM100,000 daripada agensi pekerja asing yang didakwa terbabit

dalam sindiket berkenaan.

Bagaimanapun, selepas rundingan, suspek bersetuju menerima pendahuluan sebanyak RM20,000 sebelum ditahan dalam operasi di sebuah hotel di Shah Alam pada jam 11.45 malam, Jumaat lalu.

Wartawan terbabit kini direman selama empat hari sehingga 4 Mac selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.



BERITA HARIAN - 04.03.2025 (SELASA)



Antara barang rampasan yang ditunjukkan pada sidang media di Ibu Pejabat SPRM, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Susulan rampasan wang tunai RM170 juta, 16kg jongkong emas

'Ismail Sabri kini suspek, bukan saksi'

SPRM dijangka ambil keterangan Perdana Menteri kesembilan sekali lagi esok

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Putrajaya: Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki mengesahkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob adalah suspek dan bukannya saksi bagi siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Memberitahu demikian pada sidang media di sini, semalam Azam berkata, SPRM juga dijangka mengambil keterangan

Perdana Menteri ke-9 (tu sekali lagi) berhubung kes berkenaan, esok.

"Saya boleh katakan beliau (Ismail Sabri) adalah suspek dalam kes ini. Ini kerana pertamanya, Seksyen 36(1) Akta SPRM 2009 telah diberikan kepada beliau untuk membuat pengisytiharan harta."

"Kedua, bila terjumpa wang (tu) dan beliau antara yang diikutkan, maka kita perlu mengadakan penjelasan daripada beliau mengenai penemuan wang ini," katanya.

SPRM dalam kenyataan kelmarin berkata, Ismail Sabri sedang disiasat berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram dan fokus siasatan tertumpu kepada perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi serta publisiti ketika beliau memerintah negara.

Mengulas lanjut, Azam memberitahu bahawa Ahli Parlimen Bera itu sudah dipanggil pada

11 Februari lalu dan diambil keterangan oleh pegawai penyiasat antara empat hingga lima jam.

"Sehari sebelum itu, beliau sudah menyerahkan pengisytiharan harta," katanya.

Penyelidikan sebenar

Ditanya mengenai fokus siasatan terhadap jumlah dana kerajaan RM700 juta yang disiasat, Azam berkata, pihaknya masih menyelidiki penyelewengan sebenar.

Beliau turut menafikan bahawa siasatan terhadap Ismail Sabri bersifat 'terpilih' atau bermotifkan politik semata-mata.

"Kita siasat secara profesional dan adil, malah SPRM tidak melakukan tindakan berdasarkan jawatan, berlatar dan kedudukan."

"Tidak bimbang daripada sebarang kami bertindak sendiri, berdasarkan kepada maklumat dan aduan yang kami terima," katanya.

Azam juga berkata, setakat



Azam menunjukkan sebahagian jongkong emas yang dirampas.

ini, sebanyak 13 akaun bank bernilai RM2 juta sudah dibekukan bagi membantu siasatan.

"Kebanyakan akaun adalah milik empat suspek yang dituduh, bagi akaun Datuk Seri Ismail Sabri, belum dibekukan kerana akaun beliau sedang disiasat dan kita sedang meminta penjelasan daripada beliau untuk menerangkan akaun yang ada."

"Kita perlu selesaikan empat siasatan yang dijalankan ini dengan memanggil ramai lagi saksi baharu dalam minggu ini enam atau tujuh lagi saksi akan dipanggil bagi memberi keterangan," katanya.

ngan," katanya.

Katanya, dokumen berkaitan juga sedang diteliti dan siasatan bukan sahaja mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

"Siasatan turut dijalankan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001," katanya.

Pada 22 Februari lalu media melaporkan SPRM menahan empat bekas pegawai yang mempunyai kaitan dengan Ismail Sabri.



BERITA HARIAN - 04.03.2025 (SELASA)

Akaun Yayasan Keluarga Malaysia belum dibekukan

Putrajaya: Akaun Yayasan Keluarga Malaysia dan akaun Perdana Menteri ke-9, Datuk Seri Ismail Sabri, belum lagi dibekukan setakat ini.

Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, bagaimanapun berkata, SPRM sedang me-

nyiasat akaun milik Ahli Parlimen Bera itu.

Katanya, setakat ini sebanyak 13 akaun bank bernilai RM2 juta milik individu dibekukan pihaknya dalam siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram itu.

"Kita masih belum membe-

kukan akaun Yayasan Keluarga Malaysia kerana ia bukan akaun individu dan akaun yang aktif, manakala akaun Ismail Sabri sedang disiasat.

"Malah, kita juga meminta penjelasan daripada beliau untuk menerangkan mengenai semua akaun yang ada," katanya.

Azam berkata, kebanyakan akaun suspek yang ditahan SPRM sudah dibekukan.

Mengulas lanjut, sejak SPRM membuka penyiasatan tahun lalu, 31 saksi sudah dirakamkan keterangan dan memerlukan keterangan tujuh hingga lapan orang lagi untuk mem-

bantu siasatan.

Beliau turut berkata, notis pengisytiharan harta diserahkan kepada Ismail Sabri dan seorang lagi individu pada November tahun lalu, sebelum pemimpin itu menyerahkan pengisytiharan hartanya pada 10 Februari lalu.



BERITA HARIAN - 04.03.2025 (SELASA)

'Wang tunai, jongkong emas melebihi jumlah diumumkan'

SPRM masih belum nilai sejumlah barang kemas ditemui dalam serbuan di tiga premis

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdula-
ziz@bh.com.my

Putrajaya: Wang tunai dan jongkong emas yang ditemui di sebuah kondominium yang dijadikan *safe house* oleh pembantu Perdana Menteri Ke-9 adalah melebihi jumlah yang diumumkan sebelum ini, kata Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Beliau berkata, SPRM ketika ini masih belum menilai sejumlah barang kemas yang ditemui dalam serbuan di tiga premis, termasuk dalam tiga peti besi di kondominium yang terletak di Lembah Klang itu.

"Setakat ini, jumlah yang kita nilai ialah RM177 juta, memabitkan wang tunai pelbagai mata wang dan jongkong emas bernilai RM7 juta. Jongkong emas itu sahaja mengikut harga semasa bernilai RM424,000 sekilogram."

"Terdapat pelbagai barang kemas lain turut ditemui dalam siasatan itu, tetapi belum sempat



Sebahagian mata wang asing dan barangan kemas yang dirampas pada sidang media khas SPRM di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

dinilai pegawai penyiasat kerana mereka masih perlu menjalankan tugas lain seperti mengambil keterangan dan memeriksa dokumen," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Azam berkata, kondominium berkenaan disewa dan diuruskan

oleh salah seorang bekas pegawai kanan Perdana Menteri Ke-9, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang ditahan SPRM minggu lalu.

Keputusan disembunyi
SPRM juga mengesan terdapat dana lain yang berkemungkinan

sedang disembunyikan, termasuk di luar negara.

Dalam sidang media itu, SPRM mempamerkan sebahagian wang tunai kira-kira RM170 juta dalam pelbagai mata wang antarabangsa serta 16 kilogram jongkong emas tulen yang dianggarkan

Wang tunai RM170 juta, 16kg jongkong emas disit



Keratan akhbar BH, semalam.

bernilai hampir RM7 juta.

Wang itu dipamerkan selepas SPRM kelmarin mendedahkan bahawa wang tunai ratusan juta ringgit dan barangan berharga dirampas dalam tiga premis, termasuk sebuah *safe house*, berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram memabitkan Ismail Sabri.

SPRM berkata, wang tunai yang dirampas itu meliputi nilai dalam baht, riyal, pound sterling (GBP), won, euro, swiss franc, dan yuan.

Ditanya berhubung sama ada SPRM sudah memanggil keterangan bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Ismail Sabri, Datuk Nazimah Hashim, Azam berkata, pihaknya sudah mengambil keterangan individu berkenaan.

"Kita menafikan beliau berada di luar negara dan kita sudah mengambil keterangan bagi membantu siasatan."

"Setakat ini kita berpuas hati, setakat ini empat orang sahaja dan tidak ada lagi laporan atau maklumat kita terima untuk menangkap mana-mana pihak lain," katanya.



SINAR HARIAN - 04.03.2025 (SELASA)

PM9 kini suspek kes rasuah

SPRM akan panggil Ismail Sabri sekali lagi Rabu ini

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PUTRAJAYA

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan direkod keterangan kali kedua berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram pada Rabu ini susulan penemuan wang tunai kira-kira RM170 juta di sebuah safehouse yang dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri kesembilan itu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, Ahli Parlimen Bera itu kini dianggap suspek dan bukan lagi sebagai saksi.

"Saya boleh katakan beliau (Ismail Sabri) adalah suspek dalam kes ini. Ini kerana pertama, Seksyen 36(1) Akta SPRM 2009 telah diberikan kepada beliau untuk membuat pengisytiharan harta.

"Kedua, bila jumpa wang ini dan beliau antara yang dikaitkan, maka kita perlu mendapatkan penjelasan daripada beliau tentang penemuan wang ini," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Isnin.

Menurut Azam, pihaknya telah membuka kertas siasatan pada awal tahun lepas berhubung isu Keluarga Malaysia membabitkan dana pengiklanan dan promosi agenda kerajaan bernilai RM700 juta sepanjang tempoh 14 bulan Ismail Sabri menjadi Perdana Menteri.

"Kita rakam keterangan ramai saksi dalam kes ini iaitu 31 individu direkod

percakapan dan siasatan diteruskan.

"SPRM telah mengeluarkan notis pengisytiharan harta kepada beliau (Ismail Sabri) pada November 2024 dan seorang lagi individu lain.

"Pada 10 Februari lepas, beliau telah hantar kepada kami pengisytiharan harta terbabit sebelum kita merekod keterangannya pada 19 Februari dalam tempoh empat ke lima jam," ujarnya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Sementara itu, Azam menegaskan tidak ada mana-mana pihak mengarahkan siasatan dilakukan terhadap bekas Perdana Menteri berusia 65 tahun itu.

Beliau berkata, siasatan itu dilaksanakan susulan aduan dan maklumat yang diterima SPRM.

"Kami menyiasat secara profesional dan adil, tanpa melihat sebarang darjat atau kedudukan.

"Tiada arahan daripada sesiapa. Kami bertindak sendiri, berdasarkan kepada maklumat dan aduan yang kami terima," katanya.

Azam berkata, pihaknya akan secara teliti menyiasat kes tersebut serta sesiapa sahaja yang disyaki terlibat.

"Berhubung perkara ini, bukan sahaja projek berkenaan (Keluarga Malaysia) tetapi juga sesiapa sahaja yang mendapat manfaat," katanya.

Dalam pada itu, beliau menafikan bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Ismail Sabri, Datuk Nazimah Hashim yang juga orang berkepentingan dalam kes tersebut, berada di luar negara.

Azam berkata, Nazimah berada di dalam negara dan percakapannya telah dirakam.



Azam menunjukkan wang tunai yang dirampas ketika sidang akhbar berhubung kes membabitkan Ismail Sabri di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.



BERITA HARIAN - 05.03.2025 (RABU)

SPRM dijangka ambil keterangan Ismail Sabri hari ini

Kuala Lumpur: Pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijadual mengambil keterangan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu sepatutnya hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya jika kesihatan bertambah baik.

Jika Ahli Parlimen Bera itu tidak dapat hadir di Ibu Pejabat SPRM, sumber memberitahu *BH*, keterangan akan diambil di tempat lain.

"Pegawai penyiasat akan ambil keterangan esok (hari ini).

"Beliau mungkin tidak hadir (ke Ibu Pejabat SPRM) dan pegawai penyiasat akan bertemuinya," katanya di sini, semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki pada sidang media kelmarin mengesahkan Ismail Sabri akan dipanggil semula memberi keterangan.

Beliau dipanggil semula selepas dirakam keterangan pada 11 Februari lalu, sehari selepas beliau menyerahkan pengisytiharan harta kepada SPRM.



Keratan akhbar *BH* semalam.

haran harta kepada SPRM.

Azam mengesahkan Ismail Sabri ialah suspek dalam kes rasuah dan pengubahan wang haram yang disiasat SPRM dan bukan sebagai saksi.

Azam berkata, ini susulan penemuan wang tunai kira-kira RM170 juta dalam sebuah *safehouse* susulan serbuan SPRM.

Beliau berkata, antara tindakan dilakukan SPRM terhadap Perdana Menteri Kesembilan itu ialah meminta beliau mem-

perinci harta mengikut Seksyen 36 Akta SPRM.

Pada sidang media itu, SPRM mempamerkan wang tunai berjumlah kira-kira RM170 juta dalam pelbagai mata wang antarabangsa serta 16 kilogram jongkong emas yang dianggarkan bernilai hampir RM7 juta.

Wang itu dipamerkan selepas SPRM mendedahkan, wang tunai ratusan jutaan ringgit dan barang berharga dirampas dalam tiga premis, termasuk sebuah *safehouse*.



SINAR HARIAN - 05.03.2025 (RABU)

Tiada dendam politik siasat kes profil tinggi

Tindakan dilakukan kerana kebanyakan kes terkait rasuah perlu disiasat secara tuntas

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Tidak timbul isu motif dendam politik dalam siasatan atau dakwaan terhadap bekas Perdana Menteri atau pihak yang ada kaitan dengan mereka. Pensyarah Kanan Sains



Muka depan Sinar Harian pada Selasa.

Politik Universiti Teknologi Mara (UiTM), Mujibu Abd Muis berpandangan, tindakan penguat kuasa dilakukan memandangkan kebanyakan kes terkait rasuah dan salah guna kuasa yang perlu disiasat secara tuntas serta menyeluruh.

"Umum tentunya bersetuju apa sahaja perkara yang terkait integriti terutamanya melibatkan kepentingan awam, siapa pun yang terlibat mesti disiasat dan diambil tindakan.

"Melihat kepada trend mana-mana kes rasuah yang lazimnya melibatkan banyak pihak terutama dalam kes berprofil tinggi, tidak mustahil ada lagi pihak yang akan didakwa," katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Sebelum ini media melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob adalah suspek dalam siasatan isu perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi dan publisiti ketika beliau menerajui negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki memaklumkan, ia susulan penemuan wang tunai kira-kira RM170 juta dalam sebuah safehouse susulan serbuan dilakukan pihaknya.

Beliau berkata, antara tindak-



MUJIBU



MAZLAN

an dilakukan SPRM terhadap bekas Perdana Menteri kesembilan itu ketika ini adalah meminta Ahli Parlimen Bera itu melakukan perincian harta mengikut Seksyen 36 Akta SPRM.

Sementara itu Pensyarah Pusat Perdana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Dr Mazlan Ali berpendapat, agensi penguat kuasa rasuah itu tidak pernah berkompromi dalam isu membabitkan integriti dan menjalankan tanggungjawab seperti diamanahkan.

"Pada saya, SPRM menjalankan tugas siasatan dan dakwaan berdasarkan laporan dan bukti-bukti. Mereka tidak melakukannya secara sembarono.

"Siasatan tidak hanya dilakukan terhadap individu berprofil tinggi, bekas menteri dan sebagainya tetapi secara kebetulan, beberapa individu yang ditahan merupakan bekas Perdana Menteri," ujarnya.



SINAR HARIAN - 05.03.2025 (RABU)

Bekas CEO, isteri dan anak didakwa ubah wang haram lebih RM150 juta

KUALA LUMPUR - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat Kenaf Trading Global Sdn Bhd dan isteri serta anak lelaki mereka dihadapkan ke dua Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas 12 pertuduhan berkaitan pengubahan wang haram lebih RM150 juta.

Jazman Shahar Abdollah, 53, Mariam Zakaria, 49, dan Irfan Hadi, 28, masing-masing mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan dua hakim berbeza.

Di hadapan Hakim Hamidah Mohamed Deril, Jazman Shahar didakwa atas dua pertuduhan terlibat dalam 17 transaksi melibatkan wang hasil aktiviti haram berjumlah RM119,549,889.98 dan melakukan tiga transaksi membabitkan RM18,002,804 di Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5 di sini antara 25 Oktober 2021 dan 10 Januari 2023.

Lelaki itu juga didakwa terbabit dalam 12 transaksi melibatkan wang hasil aktiviti haram iaitu RM5,833,619.07 kepada firma milik Mariam iaitu Sariah & Associates di Seberang Jaya, Pulau Pinang antara 1 Mac 2022 dan 26 Jan 2023 di lokasi sama.

Irfan Hadi pula didakwa memindahkan wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta melalui cek daripada akaun semasa milik syarikat Kenaf Trading Global ke dalam akaun semasa milik syarikat AR Rizq Capital Berhad.

Bagi pertuduhan kedua, Irfan Hadi didakwa memindahkan wang hasil aktiviti haram RM300,000 melalui surat arahan pemindahan dana bertarih 13 Julai 2022 daripada akaun semasa milik Kenaf Venture Global Sdn Bhd bagi pembukaan akaun.

Dia juga didakwa melupuskan hasil aktiviti haram daripada akaun Kenaf Venture bagi tujuan pembelian sebuah unit pejabat di kompleks komersial di Plaza Sentral yang didirikan atas hak milik induk geran bernilai RM3,304,640.

Sementara itu, Mariam didakwa satu pertuduhan melupuskan wang hasil aktiviti haram RM1,634,882 melalui enam cek daripada akaun Sariah & Associates bagi pembelian sebuah banglo tiga tingkat di Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor pada 25 Mac 2022 dan 9 Januari 2023 di Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Wanita itu juga didakwa melupuskan wang haram berjumlah RM78,490.45 menerusi cek daripada akaun semasa firma tersebut, bagi pembelian sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) atas nama anaknya di lokasi sama pada 12 Disember 2022.

Sementara itu di hadapan Hakim Azrul Darus, Jazman Shahar didakwa melupuskan hasil aktiviti haram daripada akaun Kenaf Venture Global bagi tujuan pembelian sebuah unit pejabat di kompleks komersial di Plaza Sentral yang didirikan di atas hak milik induk geran bernilai RM3,304,640, pada 24 Jun 2022.

Mariam pula didakwa tiga pertuduhan menerima wang hasil skim pelaburan haram Kenaf Development Fund berjumlah RM4,238,663.81 dimasukkan ke akaun simpanannya antara 1 Oktober 2021 dan 31 Disember 2023 di sebuah bangunan di Seberang Jaya, Pulau Pinang. - Bernama



SINAR HARIAN - 06.03.2025 (KHAMIS)

SPRM tahan ahli perniagaan rasuah RM400,000

Balasan dapatkan hak penggunaan tanah milik syarikat kerajaan negeri

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Seorang ahli perniagaan direman lima hari bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima wang rasuah kira-kira RM400,000 sebagai balasan mendapatkan hak penggunaan tanah milik anak syarikat kerajaan negeri.

Majistret Siti Norhidayah Mohd Noor membenarkan permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah terhadap suspek lelaki berusia lingkungan 40-an sehingga 9 Mac ini.

Permohonan tersebut dibuat SPRM Kedah di Mahkamah Majistret Alor Setar di sini pada pagi Rabu.

Menurut sumber, suspek telah ditahan di Pejabat SPRM Kedah sekitar jam 3.25 petang pada Selasa ketika hadir memberi keterangan.

"Berdasarkan siasatan awal, suspek dipercayai meminta wang rasuah berkenaan daripada seorang lelaki sebagai balasan membantu mendapatkan hak penggunaan tanah bagi satu projek usaha sama.

"Suspek dipercayai melakukan kesalahan berkenaan sekitar Jun 2020," katanya pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Ahmad Nizam Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.



Seorang ahli perniagaan direman sehingga 9 Mac ini selepas mendapat kebenaran mahkamah.



SINAR HARIAN - 08.03.2025 (SABTU)

Rasuah RM500,000: Bekas pegawai khas ahli Parlimen direman



Dua individu termasuk bekas pegawai khas ahli Parlimen direman empat hari bagi bantu siasatan kes rasuah RM500,000.

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua individu termasuk bekas pegawai khas ahli Parlimen kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM500,000.

Menurut sumber, rasuah tersebut sebagai balasan membantu meluluskan dana Projek Mesra Rakyat.

Kata sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia 30-an itu ditahan pada Rabu kira-kira jam 9.30 malam ketika hadir bagi memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

"Kedua-dua suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut pada 2024

sebagai balasan membantu meluluskan permohonan dana Projek Mesra Rakyat bernilai kira-kira RM 1.5 juta, membabitkan pembekalan Interactive Smart Board kepada beberapa buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur.

"Selain itu, siasatan juga akan menjurus kepada aspek pembekalan bagi mengesahkan penerimaan item mengikut kuantiti dan spesifikasi oleh sekolah-sekolah berkenaan," katanya pada Jumaat.

Perintah reman selama empat hari sehingga Ahad dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.



METRO AHAD - 09.03.2025 (AHAD)

SPRM tahan ahli perniagaan rasuah RM400,000

Balasan dapatkan hak penggunaan tanah milik syarikat kerajaan negeri

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Seorang ahli perniagaan direman lima hari bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima wang rasuah kira-kira RM400,000 sebagai balasan mendapatkan hak penggunaan tanah milik anak syarikat kerajaan negeri.

Majistret Siti Norhidayah Mohd Noor membenarkan permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah terhadap suspek lelaki berusia lingkungan 40-an sehingga 9 Mac ini.

Permohonan tersebut dibuat SPRM Kedah di Mahkamah Majistret Alor Setar di sini pada pagi Rabu.

Menurut sumber, suspek telah ditahan di Pejabat SPRM Kedah sekitar jam 3.25 petang pada Selasa ketika hadir memberi keterangan.

"Berdasarkan siasatan awal, suspek dipercayai meminta wang rasuah berkenaan daripada seorang lelaki sebagai balasan membantu mendapatkan hak penggunaan tanah bagi satu projek usaha sama.

"Suspek dipercayai melakukan kesalahan berkenaan sekitar Jun 2020," katanya pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Ahmad Nizam Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.



Seorang ahli perniagaan direman sehingga 9 Mac ini selepas mendapat kebenaran mahkamah.



HARIAN METRO - 11.03.2025 (SELASA)

MINTA RASUAH PUSAT JAGAAN RM3,000

Penjawat awam direman lima hari

Kuala Terengganu: Seorang penjawat awam direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan meminta rasuah RM3,000 sebagai balasan mendaftarkan pusat jagaan milik sebuah syarikat.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 30-an itu dikeluarkan Majistret Noor Mazrinie Mahmood.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 12 tengah hari kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu.

Katanya, siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan berkenaan antara Julai hingga September 2023.

"Suspek juga disyaki menerima suapan melalui transaksi pindahan ke akaun bank miliknya," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan



SUSPEK direman lima hari untuk siasatan. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan beberapa pusat jagaan lain akan tu-

rut dipanggil dalam masa terdekat untuk membantu siasatan.



SINAR HARIAN - 13.03.2025 (KHAMIS)

Doktor antara 16 ditahan SPRM

Terbabit rasuah daftar kelahiran warga asing sebagai warganegara

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 16 individu kerana disyaki terlibat rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara tetapi ditukar menjadi warganegara, serta pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM telah melancarkan Op Outlander dan Op Birth pada Selasa, membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik serta firma guaman di sekitar Lembah Klang dan Johor.

Bagi Op Outlander, beliau berkata, suspek utama merupakan penjawat awam disyaki melakukan perbuatan tersebut dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu kes yang



Antara dokumen yang diteliti pegawai SPRM. Foto: SPRM

melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Dipercayai kegiatan ini turut didalangi oleh seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin yang berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu.

"Untuk Op Birth, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen melakukan perbuatan tersebut dengan menawarkan dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sementara itu menurutnya, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

Tambahnya, seorang pengamal undang-undang turut ditahan kerana disyaki bertindak sebagai orang tengah

Dua pegawai SPRM bertanya sesuatu kepada seorang petugas di sebuah klinik dalam serbuan di Lembah Klang dan Johor menerusi serbuan Op Outlander dan Op Birth pada Selasa.



AHMAD KHUSAIRI

antara ejen dan pemohon. "Seramai 16 suspek berusia lingkungan 20 hingga 70-an telah ditahan antara jam 11 pagi hingga 8 malam pada Selasa.

"Kesemua yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan," ujarnya.

Kata beliau, empat lagi suspek melibatkan seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang turut ditahan dalam dua operasi berkenaan telah dilepaskan dengan jaminan SPRM atas faktor kesihatan dan selepas keterangan mereka selesai dirakam.

Katanya, serbuan yang dilakukan pada Selasa adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sementara itu, SPRM berjaya mendapat perintah reman selama empat dan lima hari terhadap 12 suspek, masing-masing dua di Mahkamah Majistret Putrajaya dan 10 individu lagi di Mahkamah Majistret Shah Alam. Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.

ANTARA KES PALSUKAN SURAT BERANAK

6 FEBRUARI 2025

Seorang warga asing, Bernad Arasad, 48, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam atas lima pertuduhan memberi maklumat palsu ketika memohon sijil lahir dan kad pengenalan empat anaknya sejak 2006. Empat anaknya itu ialah Puteri Aisyah, Muhammad Saifullah, Puteri Aliya dan Muhammad Imam Mahadi.

27 JANUARI 2025

Seorang peniaga warga Indonesia ditahan di Kuantan, Pahang kerana dipercayai memiliki sijil lahir palsu yang dibeli pada harga RM8,000 daripada ejen dan kad pengenalan bertaraf warganegara Malaysia yang mengandungi butiran palsu.

3 SEPTEMBER 2024

Seorang pengusaha ikan masin di Tawau, Sabah dipenjarakan empat tahun atas dua pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi permohonan kad pengenalan dua kanak-kanak warga asing pada 2011 dan 2012. Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa mengemukakan maklumat palsu ketika mendaharkan kad pengenalan kali pertama dua kanak-kanak yang kedua-duanya bukan anak kandung tertuduh sehingga mereka mendapat segala kemudahan dan kolebikan sebagai warganegara Malaysia.

7 JUN 2023

Satu sindiket kegiatan menjual kewarganegaraan Malaysia dikesan menawarkan 'paket' menjual bayi tidak sah taraf atau bayi pendatang asing kepada warga tempatan lengkap dengan sijil kelahiran dan MyKd sah dikeluarkan JPN pada harga serendah RM3,000.

18 MEI 2022

Seorang pekerja kontrak didenda RM3,000 selepas didapati bersalah membenarkan maklumat kelahiran palsu menggunakan pasport Indonesia isterinya untuk seorang bayi perempuan yang dilahirkan seorang wanita pendatang asing tanpa izin dari negara sama di Ipoh, Perak.

20 APRIL 2021

JPN kesan 200 pendaftaran kelahiran palsu didalangi seorang doktor di Putrajaya dan ejen sindiket di Melaka. Menurut JPN, modus operandi aktiviti sindiket ini adalah dengan menawarkan anak angkat kepada pasangan yang tiada anak dan didaftarkan sebagai anak kandung.



SINAR HARIAN - 13.03.2025 (KHAMIS)

Sinar Harian - 13/3/25 - Khamis

SPRM tahan pengarah syarikat disyaki ubah wang haram jual kapal tangki

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah syarikat bergelar 'Datuk' selepas disyaki terbabit dalam kegiatan pengubahan wang haram hasil daripada urusan jual beli sebuah kapal tangki.

Menurut sumber, lelaki berusia 50-an itu ditahan kira-kira jam 4.30 petang, Selasa ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Johor.

"Lelaki terbabit dipercayai menerima, memindah serta menggunakan hasil haram melibatkan urusan jual beli sebuah kapal tangki menerusi perjanjian jual beli yang ditandatangani dengan sebuah syarikat lain sekitar November 2021.

"Suspek dipercayai terbabit kegiatan pengubahan wang haram berkenaan antara tahun 2021 hingga 2022," katanya.

Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM, Norhaizam Muhammad mengesahkan tangkapan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Menurut sumber, Majistret Noorfazlin Hamdan membenarkan lelaki itu direman empat hari hingga 15 Mac ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Johor Bahru, pagi Rabu.



HARIAN METRO - 14.03.2025 (JUMAAT)

JUAL NEGARA DEMI WANG RINGGIT

Pengamal undang-undang antara dalang sindiket pemalsuan dokumen pengesahan kelahiran di beberapa negeri

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi dan Nur Alif Hazmi Suffian
an@hmetro.com.my

Putrajaya

Menggunakan khidmat individu tertentu menyamar sebagai waris bayi ketika menghantar dokumen palsu ke kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) semasa proses pendaftaran kelahiran menjadi modus operandi sindiket yang terbabit mendaftar kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara.

Difahamkan, sindiket menggunakan khidmat pemaklum kelahiran yang mengaku sama ada sebagai nenek atau bapa saudara bayi ketika mengemukakan dokumen kelahiran.

Selepas menerima sijil kelahiran sah, ia kemudian akan dijual di pasaran gelap kepada ibu bapa atau penjaga selain sindiket dipercayai mempunyai rangkaian dalam serta luar negara termasuk terbabit dengan kegiatan penyeludupan kanak-kanak luar negara.

Bagaimanapun, kegiatan sindiket pemalsuan dokumen pengesahan kelahiran yang didalangi empat individu termasuk pengamal undang-undang bersama enam pemaklum sejak tiga tahun lalu tumpas dalam Ops Pampang dengan 80 sijil kelahiran dikesan sudah dikeluarkan JPN.

Serban di jalankan serentak di beberapa lokasi di empat negeri iaitu Putrajaya, Selangor, Pulau Pinang, dan Perak pada Selasa lalu serta menahan dua wanita dan lapan le-



PEGAWAI Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) membuat pemeriksaan di premis sindiket pemalsuan dokumen.

laki.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution (small berkata, operasi itu adalah hasil risikan bersama pihak JPN dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selama setahun serta perancangan rapi bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat diambil secara menyeluruh terhadap individu dan pihak yang terbabit dalam kegiatan jenayah ini.

Menurutnya, siasatan mendapati sindiket terbabit dalam pemalsuan dokumen kelahiran dengan

menghasilkan dokumen palsu yang ditiru bagi menyerupai pengesahan rasmi daripada fasiliti kesihatan swasta yang berdaftar dan beroperasi secara sah.

"Dokumen ini kemudiannya digunakan untuk memperdaya pihak JPN bagi tujuan pendaftaran kelahiran."

"Modus operandi sindiket ini membabitkan individu yang bertindak sebagai pemaklum kelahiran dengan mengemukakan dokumen kelahiran palsu di kaunter JPN semasa pendaftaran," katanya pada si-

dang media di JPN, di sini, semalam.

Saifuddin berkata, selepas sijil kelahiran yang sah diperolehi, ia dipercayai akan dijual di pasaran gelap kepada ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak jagaan yang tidak mempunyai pengenalan diri dan kewarganegaraan Malaysia.

"Sindiket ini juga dipercayai mempunyai rangkaian dalam dan luar negara serta berkemungkinan besar terbabit dalam penyeludupan kanak-kanak dari luar negara yang tidak mempunyai dokumen diri dan dijual kepada ibu bapa berkenaan."

"Empat daripada mereka termasuk seorang wanita yang juga pengamal un-

SPRM kesan 8 sijil terpalit penipuan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan sekurang-kurangnya lapan sijil kelahiran sudah dikeluarkan sindiket pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Kegiatan itu terbongkar selepas SPRM melancarkan Op Outlander dan Op Birth. Selasa lalu, membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Menurut sumber, susulan serbuan itu, 16 individu ditahan membabitkan pengamal perubatan bergelar Datuk Seri, pengamal undang-undang, penjawat awam dan orang awam.

"Siasatan mendapati penipuan yang dilakukan ini membabitkan permin-

taan daripada warga asing. Sindiket akan memproses dokumen bagi membolehkan bayi yang dilahirkan menerima sijil kelahiran warganegara."

"Sindiket ini beroperasi sejak 2013 dan disyaki didalangi warga asing, klinik swasta dan pegawai sebuah agensi kerajaan," katanya.

Sumber berkata, setakat ini lapan sijil kelahiran sudah dikeluarkan dan disyaki dilakukan pegawai agensi kerajaan yang menerima rasuah daripada sindiket.

Muka depan Harian Metro semalam melaporkan pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan SPRM kerana disyaki terbabit rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

undang-undang disyaki sebagai orang tengah antara ejen dan pemohon dipercayai sebagai dalang utama sindiket pemalsuan dokumen ini.

"Manakala enam lagi dikenal pasti sebagai pemaklum kelahiran. Turut dirampas bersama suspek adalah wang tunai berjumlah RM54,000 dipercayai hasil daripada aktiviti haram terbabit," katanya.

Bellau berkata, JPN tidak menolak kemungkinan bahawa ada tangkapan akan menyusul seiring dengan perkembangan siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 36(1)(b), Akta Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) kerana disyaki mengemukakan maklumat palsu semasa pendaftaran kelahiran, sabit kesalahan

boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Kes sama dijangka akan disiasat di bawah perundangan lain di bawah bidang kuasa SPRM," katanya.

Katanya, JPN menegaskan komitmen tinggi dan berterusan dalam memastikan integriti serta ketulen dokumen pengenalan diri negara kekal terpelihara tanpa sebarang kompromi.

"Sebarang percubaan memalsukan dokumen rasmi adalah satu kesalahan serius dan akan dikenakan tindakan tegas mengikut undang-undang yang berkuat kuasa," katanya.



BERITA HARIAN - 15.03.2025 (SABTU)

Kes rasuah dan pengubahan wang haram

SPRM teliti ratusan dokumen termasuk berkait harta bekas PM

Semua dokumen perlu verifikasi Ismail Sabri melalui keterangan diambil pegawai penyiasat

Oleh Han Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kes rasuah dan pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membabitkan penelitian ratusan dokumen termasuk berkaitan harta bekas perdana menteri itu.

BH difahamkan, antara dokumen berkenaan termasuk yang ada kaitan dengan aset yang disyiharkan oleh Ahli Parlimen Bera itu pada 10 Februari lalu.

Malah, dokumen berkaitan pelaksanaan perolehan serta kelulusan tertentu juga dipercayai sedang disemak oleh pegawai penyiasat SPRM ketika ini.

Sumber berkata semua dokumen berkenaan memerlukan verifikasi Ismail Sabri melalui keterangannya yang sedang diambil oleh pegawai penyiasat.

Katanya penemuan wang tunai dalam jumlah yang terlalu besar itu menyebabkan SPRM mengambil masa memeriksa do-

kumen berkenaan.

"Ia menjadi antara faktor Ismail Sabri dipanggil memberi keterangan selama beberapa hari kerana pegawai SPRM perlu memeriksa ratusan dokumen dalam siasatan berkenaan.



Azam Baki

"Antaranya berkaitan pengisytiharan harta yang diberikan oleh Ismail Sabri kepada SPRM baru-baru ini.

"Mengetahui rampasan aset itu pula, SPRM memerlukan tindakan untuk menjustifikasikan sejumlah wang dan barangan berharga yang ditemui," katanya kepada BH semalam.

Mengetahui mengulas lanjut
Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan

Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan siasatan giat dijalankan termasuk keperluan penelitian semua dokumen terbabit tetapi enggan mengulas lanjut.

Semalam, Ismail Sabri hadir ke ibu pejabat SPRM bagi menyambung keterangan berkaitan siasatan rasuah dan pengubahan wang haram ketika pentadbirannya sebelum ini.

Sesi rakaman keterangan semalam adalah lanjutan daripada sesi kelmarin membabitkan sekurang-kurangnya lima jam.

Dalam sidang media SPRM minggu lalu, pihak berkuasa itu mendedahkan penemuan wang tunai dalam pelbagai mata wang serta jongkong emas yang secara keseluruhannya berjumlah RM177 juta.

Pendedahan itu dibuat menerusi siri serbuan membabitkan tiga premis, termasuk sebuah 'safe house' di sekitar ibu negara

yang dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan berkenaan.

Semua hasil rampasan itu juga dikaitkan dengan perbelanjaan dan perolehan dana bagi tujuan promosi serta publisiti program sewaktu Ismail Sabri mentadbir kerajaan.

Azam sebelum ini menyatakan bahawa Ismail Sabri dikategorikan sebagai suspek kes terbabit selepas beberapa saksi, termasuk beliau sendiri, dipanggil memberi keterangan.

Sesi rakaman keterangan tergendala beberapa kali apabila Ismail Sabri dimasukkan ke hospital.

Siasatan terhadap Ismail Sabri dibuat mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.



BERITA HARIAN - 15.03.2025 (SABTU)

Ismail Sabri sambung beri keterangan di SPRM

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hadir sekali lagi ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), se-

malam bagi menyambung proses rakaman keterangan. Beliau menyambung keterangan bagi membantu siasatan kes rasuah dan perubahan

wang haram ketika pentadbirannya sebelum ini. Kenderaan jenis Audi berwarna hitam membawa Ahli Parlimen Bera itu tiba kira-kira jam

3.25 petang sambil diiringi anggota polis pengiring. Pada sesi pagi, Ismail Sabri hadir pada jam 8.46 pagi bagi dirakam keterangan berhubung kes rasuah dan perubahan wang haram dihadapinya. Rakaman percakapan itu diteruskan SPRM selepas tempoh cuti sakit Ismail Sabri tamat pada

Rabu lalu dan beliau sepatutnya hadir ke Ibu Pejabat SPRM pada 5 Mac lalu untuk memberi keterangan. Ismail Sabri sebelum ini pernah hadir ke Ibu Pejabat SPRM untuk direkod keterangan berhubung isu membabitkan penggunaan wang sebanyak RM700 juta.



Ismail Sabri keluar dari ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia selepas memberi keterangan di Putrajaya, semalam. (Foto Saifulizan Tamadi/BH)

Ibadat & Fadilat

28. Ibnu Abbas RA merwayatkan Nabi SAW bersabda: "Carilah Lailatul Qadar itu pada 10 yang akhir pada Ramadan. Lailatul Qadar berada pada hari kesembilan, ketujuh atau kelima yang akhir itu (dari bulan itu)." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:18	1:30	4:43	7:31	8:41
Alor Setar	6:18	1:30	4:42	7:31	8:40
P. Pinang	6:18	1:30	4:42	7:31	8:40
Ipoh	6:15	1:28	4:38	7:29	8:38
Kuala Lumpur	6:13	1:25	4:34	7:27	8:36
Shah Alam	6:13	1:25	4:34	7:27	8:36
Johor Bahru	6:04	1:17	4:23	7:19	8:27
Kuantan	6:07	1:20	4:28	7:21	8:30
Seremban	6:11	1:24	4:31	7:26	8:34
Bandar Melaka	6:10	1:23	4:30	7:25	8:34
Kota Bharu	6:10	1:23	4:35	7:24	8:29
K. Terengganu	6:06	1:19	4:30	7:20	8:29
Kota Kinabalu	5:15	12:27	3:39	6:28	7:37
Kuching	5:39	12:52	3:58	6:54	8:02



SINAR HARIAN - 15.03.2025 (SABTU)

Wartawan portal berita tidak mengaku salah terima rasuah RM20,000

SHAH ALAM - Seorang wartawan portal berita tempatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM20,000.

B. Nantha Kumar, 42, didakwa secara rasuah menerima wang tunai itu daripada Muhammad Zahid, warganegara Pakistan sebagai dorongan untuk menurunkan dan tidak memuat naik mana-mana artikel berhubung sindiket kartel pekerja asing Pakistan di *Malaysiakini*.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah hotel di sini, pada 11.45 malam 28 Februari lepas.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama, yang jika sabit kesalahan boleh dipenjaramaksimum 20 tahun dan denda

tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Alis Izzati Azurin Mohd Rusdi mencadangkan jaminan RM20,000 terhadap tertuduh beserta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri ke pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

"Pihak pendakwaan dengan rendah hati memohon kepada mahkamah untuk memberikan peringatan kepada tertuduh agar tidak mengganggu saksi-saksi serta tidak memuat naik artikel atau komentar yang mungkin akan menjejaskan atau



NANTHA KUMAR

mempresjudikan kesnya pada masa hadapan," katanya.

Peguam P. Purshotaman merayu jumlah jaminan rendah iaitu RM5,000 mengambil kira anak guamnya menanggung dua anak masing-masing berusia 18 dan 11 tahun.

Beliau berkata, peranan Nantha Kumar antaranya membantu mematahkan sindiket yang menggugat keselamatan negara dan dia telah menggadai nyawa untuk membantu kerajaan patut dipertimbangkan dalam memberi jaminan minimum.

"Anak guam saya merupakan seorang wartawan pemenang anugerah, sistem kehakiman kita berpegang pada prinsip bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah dan sekiranya

satu jumlah jaminan dan syarat yang melampau dikenakan, beliau terpaksa meringkus dalam penjara sehingga kes ini selesai.

"Beliau amat menghormati mahkamah dan telah hadir sendiri ke mahkamah apabila dimaklumkan pegawai penyiasat dua hari lepas, ini menunjukkan beliau menghormati proses mahkamah," katanya.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin membenarkan Nantha Kumar diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain perlu menyerahkan pasport dan melaporkan diri ke pejabat SPRM berhampiran setiap bulan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 23 April ini.

Sebelum ini, wartawan berkenaan direman empat hari bermula 1 Mac bagi membantu siasatan kes terbabit. - *Bernama*



BERITA HARIAN - 16.03.2025 (AHAD)

16 kena tahan disyaki rasuah daftar sijil lahir warga asing

Semua suspek ditahan dalam serbuan Op Birth, Op Outlander sekitar Lembah Klang dan Johor

Oleh Nor Azidah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 16 individu kerana disyaki terbabit rasuah pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya, berkata kesemua suspek berusia antara 20 hingga 70-an ditahan dalam beberapa serbuan menerusi Op Outlander dan Op Birth ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor, semalam.

Beliau berkata, serbuan itu dibuat hasil risikan selama kira-kira setahun dengan kerjasama dan perkongsian maklumat di an-



Semua suspek yang ditahan reman kes rasuah pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara.

tara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Bagi Op Outlander, suspek utama adalah penjawat awam disyaki melakukan perbuatan itu dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu untuk yang melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Kegiatan ini dipercayai turut didalangi seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin. Individu itu berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ahmad Khusairi berkata, untuk Op Birth pula, tiga suspek utama yang

ditahan disyaki berperanan sebagai ejen yang menawarkan dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam.

Katanya, penjawat itu berperanan membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu.

"Sementara itu, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

"Turut ditahan seorang pengamal undang-undang disyaki sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon," katanya.

Ahmad Khusairi berkata, dua suspek termasuk lelaki bergelar Datuk Seri yang mempunyai masalah kesihatan dilepaskan dengan jaminan SPRM apabila selesai dirakam percakapan.

"Kes disiasat mengikut Seks-

yen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009," katanya.

Beliau berkata, tangkapan ini mencerminkan komitmen teguh SPRM dalam memastikan usaha memerangi rasuah khususnya membabitkan perkhidmatan awam demi memastikan aspek keselamatan negara terjamin.

Sementara itu, 12 individu terbabit ditahan reman bagi membolehkan siasatan lanjut kes berkenaan.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan SPRM menahan reman dua lelaki berusia 20 dan 40-an selama empat hari sehingga 15 Mac ini.

Di mahkamah berasingan, Majistret Ameera Mastura Khamis, turut membenarkan permohonan SPRM menahan reman 10 lagi individu iaitu empat lelaki dan enam wanita berusia 20 hingga 50-an selama lima hari sehingga 16 Mac ini.



Ahmad Khusairi

Ejen tawar, beri rasuah

Ahmad Khusairi berkata, untuk Op Birth pula, tiga suspek utama yang



BERITA HARIAN - 16.03.2025 (AHAD)

SPRM buka dua kertas siasatan kes rasuah babit Sapura Energy

Agensi bertindak menjurus kepada pengubahan wang haram, penyelewengan

Oleh Hah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdula-
ziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka dua kertas siasatan berhubung pembayaran rasuah dan penyelewengan membabitkan syarikat Sapura Energy

Berhad (SEB).

Difahamkan, siasatan susulan SPRM menerima maklumat berhubung salah laku itu.

Menurut sumber, siasatan itu berdasarkan siasatan awal yang dibuka SPRM pada akhir 2021 yang turut membabitkan tuntutan dibuat syarikat berkenaan.

"Dua kertas siasatan ini dibuka menjurus kepada kegiatan pengubahan wang haram dan penyelewengan membabitkan tuntutan sekitar 2018 ketika syarikat itu dikenali sebagai Sapura Kenana Petroleum Berhad.

"Selain jenayah rasuah, siasatan juga akan memberi fokus kepada isu kelemahan tatakelola dan kelemahan pengurusan," kata sumber.

Sementara itu, Ketua Pesuru-

haja SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata kertas siasatan dibuka mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFPUAA) 2001.

Bukan 'bailout'

Kelmarin Perdana Menteri berkata, suntikan dana kepada SEB bukan satu bentuk 'bailout', sebaliknya untuk membantu vendor yang terkesan akibat masalah kewangan dihadapi syarikat berkenaan.

Katanya, suntikan dana terbabit bukan diberi begitu sahaja, sebaliknya kerajaan memulakan langkah dengan menjalankan audit forensik untuk mengenal pasti masalah sebenar dihadapi syarikat itu.





SINAR HARIAN - 17.03.2025 (ISNIN)

Rasuah daftar kelahiran: SPRM beku 11 akaun RM100,000

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan 11 akaun bank bernilai RM100,000 melibatkan siasatan kes rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara serta pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Selain itu, SPRM turut menyita 30 dokumen.

Menurut sumber, siasatan mendapati penjawat awam sebuah agensi turut menerima anggaran RM10,000 hingga ke RM15,000 wang rasuah bagi mengeluarkan sijil kelahiran terbabit.

"Siasatan dijalankan menerusi Ops Outlander membabitkan suspek utama penjawat awam itu yang disyaki melakukan perbuatan terbabit dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu untuk yang melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran," katanya pada Ahad.

Tambah sumber itu, Ops Outlander yang dilaksanakan SPRM mengesan terdapat peranan doktor dalam menguruskan dokumen penyambut kelahiran.

Jelas sumber, setakat ini tiada tangkapan baharu dan kes masih dalam siasatan.

Pada 12 Mac, *Sinar Harian* melaporkan pengamal perubatan bergelar Datuk Seri

antara 16 individu ditahan SPRM dalam kes terbabit.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya dilaporkan berkata, SPRM melancarkan Op Outlander dan Op Birth membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Menerusi Op Outlander, suspek utama ialah penjawat awam yang disyaki melakukan perbuatan itu dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu untuk yang melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

Dipercayai, pengamal perubatan bergelar Datuk Seri itu memiliki beberapa klinik dan pusat bersalin berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu.

Untuk Op Birth, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen yang melakukan perbuatan tersebut dengan menawar serta memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu.

Serbuan SPRM pada 11 Mac lalu dilakukan berdasarkan maklumat hasil risikan selama kira-kira setahun.



HARIAN METRO - 19.03.2025 (RABU)

DUA PEGAWAI JABATAN BELIA DIDAKWA

Nafi songlap **RM4k**

Oleh Ahmad Hasbi
an@hmetro.com.my

Seremban

Dua pegawai jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menggunakan invois dan dokumen palsu berkaitan perkhidmatan fotografi serta promosi media sosial bagi perlumbaan motorcross Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Zon Selatan 2022.

Tertuduh, Pegawai Belia dan Sukan, Rosdi Pilus, 50, dan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Mohd Saiful Abdul Talib, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan bersama di hadapan Hakim Darmafikri

Abu Adam.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, mereka menggunakan suatu dokumen sebagai tulin iaitu invois perkhidmatan fotografi, dokumentasi dan promosi media sosial bagi perlumbaan motorcross KBS Zon Selatan 2022 bertarikh 9 dan 13 Februari 2023 atas nama Ad Suria Enterprise berjumlah RM4,000.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan di Seremban pada Februari hingga Mei 2023.

Sehubungan itu, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksa-

an yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan maksimum dua tahun, dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Fatin Nur Athirah Zainuddin menawarkan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin warganegara bagi setiap tertuduh.

Kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jaminan dikurangkan kerana masing-masing menang-gung isteri dan dua anak.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin warganegara.

Sementara itu, di kamar sama, Mohd Saiful tidak mengaku bersalah atas empat lagi pertuduhan menggunakan dokumen palsu iaitu resit perkhidmatan pas petugas dan resit bayaran air mineral berjumlah RM1,133.60 bertarikh 10 hingga 12 Februari 2023 atas nama Puncak Pateh Enterprise dan Riang Tinggi Enterprise.

Semua kesalahan itu dilakukan pada masa dan lokasi sama.

Pendakwaan turut dikemukakan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama.



ROSDI (kiri) dan Mohd Saiful didakwa atas dua pertuduhan menggunakan invois dan dokumen palsu berkaitan perkhidmatan fotografi serta promosi media sosial bagi perlumbaan motorcross KBS Zon Selatan 2022, dua tahun lalu. - Gambar NSTP/ AHMAD HASBI

**Mahkamah
membenarkan setiap
tertuduh diikat jamin
RM7,000**



HARIAN METRO - 19.03.2025 (RABU)

2 pemilik syarikat, kerani ditahan SPRM

HM
19/3/25
Rabu

Putrajaya: Dua pemilik syarikat dan seorang kerani ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit sindiket yang merasuah pegawai jabatan kerajaan.

Menurut sumber, kesemua lelaki berusia 20 hingga 30-an ditahan antara jam 1 pagi hingga 1.30 tengah hari ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Ahad.

Mereka disyaki terbabit sindiket yang merasuah pegawai jabatan kerajaan bagi mempercepat proses permohonan mendapatkan taraf warganegara

Malaysia oleh pemohon warga asing.

"Tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek menerusi Ops Fastlane ini susulan Ops Outlander dijalankan pada 11 Mac lalu membabitkan sindiket yang merasuah pegawai jabatan kerajaan bagi mempercepat proses permohonan taraf kewarganegaraan.

"Mereka dipercayai membayar rasuah antara RM5,000 hingga mencecah RM150,000 bagi satu permohonan," kata sumber itu.

Mereka kini direman hingga Khamis ini untuk siasatan lanjut.



HARIAN METRO - 19.03.2025 (RABU)

ANGGOTA JPJ BERSALAH 8 TUDUHAN RASUAH

Suap lepaskan lori!

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dijatuhi hukuman penjara setahun dan denda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam atas lapan pertuduhan memberi rasuah kepada rakan lain untuk tidak bertindak terhadap pengusaha lori lebih muatan.

Hakim Elesabet Paya Wan membuat keputusan itu selepas meneliti keseluruhan keterangan saksi pembelaan, pendakwaan serta hujah kedua-dua pihak.

Beliau berkata, tertuduh, Che Fadzlie Izwan Che Johari, 38, dipanggil membela diri pada 21 Oktober tahun lalu atas lapan pertuduhan dan pendakwaan menggunakan elemen anggapan (bahawa sesuatu suapan telah di-

terima secara rasuah) mengikut Seksyen 50 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang terpakai bagi pertuduhan Seksyen 16(b)(B) akta sama.

"Seramai enam saksi pembelaan memberi keterangan termasuk tertuduh dan selepas meneliti kesemuanya, mahkamah mendapati pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah dan mematahkan 'anggapan', sebaliknya pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

"Oleh itu, tertuduh didapati bersalah atas lapan pertuduhan dan disabitkan," katanya ketika memberikan penghakiman lisan di akhir kes pembelaan, semalam.

Bagi setiap pertuduhan, mahkamah menjatuhkan hukuman satu tahun penjara dan denda RM10,000 serta jika gagal bayar, tertuduh dikenakan tiga bulan penjara.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara bermula serentak dari tarikh keputusan semalam manakala denda keseluruhan berjumlah RM80,000.

Berdasarkan semua pertuduhan, Che Fadzlie Izwan didakwa memberikan suapan antara RM400 hingga RM900 kepada tiga individu di JPJ Melaka sebagai upah tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha lori yang melakukan kesalahan melebihi muatan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di JPJ Melaka, Bukit Katil termasuk di parkir dan Bahagian Penguatkuasaan antara 1 Januari 2019 hingga 31 Januari 2020.

Dia dituduh mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009 serta boleh di hukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau

RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Muhammad Asraf Mohamed Tahir memohon hukuman berat dikenakan sebagai peringatan dan amaran kepada tertuduh dan masyarakat bahawa kesalahan rasuah adalah serius.

"Hukuman diputuskan mahkamah juga perlu mengambil kira faktor kepentingan awam dan kesusahan yang akan dihadapi oleh tertuduh dan keluarganya seharusnya difikirkan sebelum kesalahan ini dilakukan," katanya.

Terdahulu, peguam Sheikh Ikhzan Sheikh Salleh dan Nuradzlyn Sharmine Azrin Sham merayu hukuman ringan atas beberapa alasan termasuk ini kesalahan pertama anak guam mereka yang kini menerima separuh gaji dan terpaksa melakukan pelbagai kerja termasuk mekanik bagi menyara isteri dan tiga anak masih bersekolah.



CHE Fadzlie Izwan dibawa ke mahkamah, semalam.



HARIAN METRO - 19.03.2025 (RABU)

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Sijil kelahiran lewat yang disediakan sindiket seperti didedahkan pihak berkuasa baru-baru ini dipercayai dijual kepada ibu bapa mempunyai anak angkat atau anak tidak mempunyai kewarganegaraan pada nilai antara RM10,000 hingga RM50,000.

Taktik digunakan sindiket ialah mengupah pemaklum yang menyamar sebagai waris bayi untuk mengemukakan dokumen kelahiran palsu di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) semasa pendaftaran. Selepas menerima sijil kelahiran sah, ia akan dijual di pasaran gelap termasuk ibu bapa atau penjaga yang menunggu.

Menurut sumber, ejen akan menyediakan dokumen lengkap kelahiran yang diuruskan pengamal undang-undang dan doktor sebelum diserahkan ke-

SINDIKET JUAL SIJIL KELAHIRAN

Lapan suspek masih dalam tahanan SPRM



Sindiket yang mengupah untuk menjual sijil kelahiran palsu menggunakan khidmat individu berpeluang menyamar sebagai 'waris' atau pemaklum kelahiran bayi ketika mengemukakan dokumen palsu ke kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) semasa proses pendaftaran kelahiran. Selepas menerima sijil kelahiran sah, ia kemudiannya dijual di pasaran gelap kepada ibu bapa atau penjaga bayi. Oleh Muhaamad Hafis Nawawi dan Nur Aini Hana. 14 Mac 2025.

LAPORAN muka depan Harian Metro, 14 Mac lalu.

pada pemaklum untuk proses pendaftaran di JPN.

"Sebaik sijil kelahiran itu diperoleh, pemohon (pemaklum) akan menyerahkan kepada ejen sindiket untuk dijual semula di pasaran gelap atau ibu bapa yang sudah menunggu dan bersedia membayar bagi mendapatkan dokumen itu. Jumlah harga sijil kelahiran itu tidak tentu tetapi anggaran antara RM10,000 sehingga RM50,000 dijual kepada mereka yang ingin membelinya," katanya kepada Harian Metro.

Sumber berkata, kewarganegaraan asal bayi terbabit juga sukar ditentukan kerana proses jual beli tiada dalam pengetahuan pemaklum.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih dalam siasatan pembabitin ejen dan orang tengah. Setakat ini menerusi Ops Outlander hanya seorang pegawai agensi kerajaan saja yang ditahan kerana bersekongkol dengan sindiket mengeluarkan sijil kelahiran terbabit," katanya.

Selain itu, kata sumber, sehingga kini lapan orang masih dalam tahanan reman selepas ditahan menerusi Ops Birth dan Ops Outlander sementara dua sudah dibebaskan dengan jaminan selepas tempoh reman tamat, Ahad lalu.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Idris Zaharudin mengesahkan perkara itu.

Muka depan Harian Metro sebelum ini melaporkan pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan SPRM kerana disyaki terbabit dalam sindiket pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.



SINAR HARIAN - 19.03.2025 (RABU)

Rasuah: Anggota JPJ nyaris beraya di penjara

Hukuman jel setahun,
denda RM80,000
ditangguhkan

MELAKA

Seorang anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) nyaris menyambut Aidilfitri di penjara selepas mahkamah membenarkan penangguhan hukuman penjara setahun dan denda RM80,000.

Hakim Elesabet Paya Wan membenarkan permohonan yang dibuat oleh Peguam Sheikh Ikhsan Sheikh Salleh yang mewakili tertuduh merayu penangguhan hukuman sementara menunggu keputusan rayuan.

Elesabet telah menjatuhkan tersebut terhadap Che Fadzie Izwan Che Johari, 38, di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas kesalahan memberi suapan berjumlah RM4,250 sebagai upah untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha lori lebih muatan.

Terdahulu Elesabet berkata, pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan di akhir pembelaan dan tidak dapat mematahkan anggapan di bawah Seksyen 50 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga lapan, tertuduh didakwa memberikan rasuah berjumlah



Che Fadzie Izwan (kanan) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Selasa.

RM4,250 kepada anggota JPJ lain sebagai upah supaya tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha lori yang melakukan kesalahan lori melebihi muatan yang merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Kesemua kesalahan itu dilakukan ketika perjumpaan berasingan di JPJ Bukit Katil di sini antara 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mana-mana yang lebih tinggi mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman satu tahun

penjara dan denda RM10,000 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar bagi setiap pertuduhan.

Elesabet turut memerintahkan kesemua hukuman berjalan serentak bermula dari tarikh jatuh hukum.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Asyraf Mohamad Tahir mencadangkan jaminan dinaikkan kepada RM25,000 berbanding RM15,000 sebelum ini sekiranya mahkamah mahu menggunakan budi bicara.

Mahkamah membenarkan permohonan penangguhan hukuman bagi memberi ruang kepada pihak pembelaan membuat rayuan dengan syarat Notis Rayuan perlu difailkan pada Selasa manakala jumlah jaminan pula dinaikkan kepada RM22,000.00.



SINAR HARIAN - 21.03.2025 (JUMAAT)

Pegawai imigresen hadapi 22 pertuduhan rasuah mengaku tidak bersalah

KUANTAN - Seorang pegawai imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan pada Khamis atas 22 pertuduhan rasuah berjumlah RM47,600.

Tertuduh, Kamarul Amilin Zainal Ariffin, 39, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sazlina Safie.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga ke-10, Kamarul Amilin yang bertugas di Bahagian Penguatkuasa dan Risikan Temerloh, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Pahang, didakwa menerima rasuah

sebanyak RM15,800 daripada dua individu.

Wang tersebut dimasukkan ke dalam akaun bank peribadinya sebagai dorongan untuk mendedahkan maklumat operasi serbuan imigresen.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Maybank Islamic Bhd, Cawangan Temerloh, antara Mac 2018 hingga September 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang memperuntukkan hukuman

penjara sehingga 20 tahun dan denda sekurang-kurangnya lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Bagi pertuduhan ke-11 hingga ke-22, Kamarul Amilin didakwa sebagai penjawat awam bertugas di tempat sama menerima untuk dirinya suapan RM31,800 secara dalam talian daripada empat individu, sedang tertuduh mengetahui wang tersebut mempunyai kaitan dengan tugas rasminya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di lokasi sama antara Januari 2018 hingga November 2021.

Kamarul Amilin didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa SPRM, Kamariah Seman menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah kemudian membenarkan Kamarul Amilin diikat jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan kes disebut semula pada 29 April depan.



Kamarul Amilin (kanan) didakwa dengan 22 pertuduhan rasuah melibatkan jumlah RM47,600 di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Khamis.



BERITA HARIAN - 21.03.2025 (JUMAAT)

Bekas pengarah didakwa kemuka tuntutan palsu

Melaka: Bekas pengarah di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Melaka didakwa atas tuduhan mengemukakan tuntutan palsu RM24,000 bagi pembekalan khemah utama yang tidak wujud untuk satu program anjuran kementerian itu, dua tahun lalu.

Yeow Chin Chai, 43, yang berkhidmat di bahagian dasar ketika melakukan kesalahan itu, didakwa di Mahkamah Sesyen di Ayer Keroh, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Dia didakwa menggunakan dengan niat untuk memperdaya prinsipalnya, satu dokumen iaitu invoice atas nama Shahz Titah Bu-

mi Enterprise bertarikh 18 September 2023.

Ia berkena pembekalan khemah utama *marquee tent & platform* berjumlah RM24,000 bagi Program Mount Ophir Ultra Trail Melaka Tahun 2023. Bagaimanapun, tiada sebarang pembekalan khemah utama dibuat pejabat berkenaan.

Sebutan semula kes 22 April

Dia dituduh melakukan kesalahan berkena di pejabatnya, antara 18 September hingga 10 Oktober 2023. Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (2) akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai butiran palsu atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sharina Farhana Nor Sa'ari dan Fatin Nur Athirah Zainudin, manakala bapa empat anak berusia lapan hingga 11 tahun itu diwakili peguam, Mohd Fadly Hashim.

Mahkamah menetapkan ikat jamin RM10,000 dan syarat tertuduh melapor diri di pejabat SPRM Melaka sebulan sekali serta pasport diserahkan kepada mahkamah sebelum menetapkan 22 April untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.



Chin Chai tiba di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam. (Foto ihsan SPRM)



BERITA HARIAN - 21.03.2025 (JUMAAT)

Pegawai imigresen hadapi 22 tuduhan terima rasuah

Keseluruhan suapan RM15,800 sebagai dorongan dedah maklumat operasi serbuan

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Seorang pegawai Jabatan Imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam kerana dipercayai mendedahkan maklumat serbuan agensi berkenaan.

Kamarul Amilin Zainal Ariffin, 39, menghadapi 22 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM47,600 di antara 2018 dan 2021, namun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Sazlina Safie.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga 10, tertuduh yang bertugas di Bahagian Penguat Kuasa dan Risiko Temerloh, didakwa menerima suapan antara RM900 dan RM3,000 daripada dua individu.

Semua suapan berjumlah keseluruhan RM15,800 itu sebagai dorongan untuk mendedahkan maklumat operasi serbuan imigresen. Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah bank di Temerloh, antara 28 Mac 2018 dan 30 September 2021.

Dia juga didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Kamarul Amilin dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan, semalam.

(Foto Muhammad Delima Atan/BH)

(SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Pindah wang dalam talian

Bagi pertuduhan 11 hingga 22, Kamarul Amilin didakwa menerima wang antara RM1,000 dan RM5,000 yang dipindahkan secara dalam talian di bank sama

dengan tanpa balasan daripada dua individu diketahui mempunyai hubungan dengan kerja rasmi tertuduh.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu bermula 2 Januari 2018 sehingga 8 November 2021, membabitkan nilai keseluruhan RM31,800.

Kamarul Amilin didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya

sekali, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM Pahang, Kamariah Seman menawarkan jaminan RM20,000, namun peguam, Datuk Syed Azimal Syed Abu Bakar, yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah.

Sazlina membenarkan tertuduh dilkat jamin RM10,000 selain memerintahkan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dan menetapkan 29 April ini untuk sebutan semula kes.



HARIAN METRO - 22.03.2025 (SABTU)

Penolong pendaftar nafi perdaya suami isteri serah RM3,000

Kangar: Seorang penolong pendaftar Mahkamah Syariah Kangar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan memperdayakan sepasang suami isteri untuk menyerahkan RM3,000 sebagai dorongan mendapatkan khidmat guaman bagi permohonan pengesahan anak di Mahkamah Tinggi Syariah Kangar pada 2021.

Tertuduh, Mohd Azizi Othman, 46, menganggu faham namun menyatakan pengakuan tidak bersalah serta meminta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sharifah Norazlita Syed Salim Iddid.

Berdasarkan pertuduhan, Mohd Azizi didakwa menipu Noor Atiqah Mohd Rohaimie@Mohd Abd Halim, 26, dan Mohamad Shafiq Alias, 30, dengan cara memperdayakan mereka untuk dipercayai bahawa dirinya boleh mendapatkan khidmat guaman bagi permohonan pengesahan anak di Mahkamah Tinggi Syariah Kangar.

Perbuatan itu juga bertujuan mendorong Noor Atiqah dan Mohamad Shafiq menyerahkan RM3,000 kepada dirinya namun tertuduh tidak melaksanakan apa dinyatakan.

Kesalahan didakwa dilakukan di Bilik Penolong Pendaftar Mahkamah Sya-

riah Kangar pada 17 Mac 2021.

Justeru tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan (Undang-Undang Malaysia Akta 574) yang mana sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilaksanakan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ahmad Fariz Abdul Hamid dan Pegawai Pendakwa SPRM Perlis, S Sujatha manakala tertuduh diwakili peguam, Zuhair Ahmad Zakuan dan Mohamad Alif Farhan Mohamad Supian.

Ahmad Fariz dalam hujahan memohon mahkamah menetapkan jaminan RM10,000 terhadap tertuduh serta meminta satu tarikh sesuai untuk sebutan semula kes.

Permohonan Ahmad Fariz itu bagaimanapun dibantah Zuhair yang memohon mahkamah dapat memberikan satu jaminan minimum RM3,000 terhadap anak guamnya. Selain itu, Zuhair turut memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya itu sudah berkahwin dan ada tanggungan empat anak yang masih bersekolah.

Anak guamnya juga bukan seorang berisiko melarikan diri daripada menghadiri prosiding mahkamah kerana mempunyai alamat tetap di Kampung Simpang Empat, Kangar. Anak guam-

nya juga memberikan kerjasama dalam setiap siasatan SPRM sejak empat tahun lalu dengan hadir di Pejabat SPRM Perlis.

Sharifah Norazlita menetapkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin warga Malaysia. Selain itu, tertuduh tidak dibenarkan mengganggu atau menghampiri saksi pendakwaan sepanjang prosiding perbicaraan dijalankan dan tertuduh perlu melaporkan diri di balai polis terdekat setiap satu haribulan pada setiap bulan sehingga prosiding kes berkenaan selesai.

Mahkamah menetapkan tarikh 24 April hadapan sebagai tarikh sebutan semula kes.



MOHID AZIZI





BERITA HARIAN - 23.03.2025 (AHAD)

MyPUSPAKOM 2.0 lebih selamat, rapi dilancar Julai

Aplikasi tamatkan isu salah laku berkaitan tempahan slot pemeriksaan kenderaan

Oleh Muhammad Yusri Muzaimir dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menampilkan ciri lebih selamat, rapi dan diintegrasikan dengan pangkalan data sistem MySIKAP kendalian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah antara penambahbaikan sedang dibuat terhadap aplikasi MyPUSPAKOM 2.0 yang dijadual dilancarkan Julai ini.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), Mahmood Razak Bahman, berkata aplikasi yang dibangunkan sejak November lalu bertujuan menamatkan isu salah laku berkaitan tempahan slot pemeriksaan kenderaan.

Beliau berkata, aplikasi baharu itu bakal mengehadkan kegiatan jualan slot tempahan janji temu berganda di semua premis PUSPAKOM, sekali gus meminimumkan risiko rasuah dalam kalangan orang tengah atau *runner*.

"Menerusi aplikasi MyPUSPAKOM 2.0 ini, perincian setiap kenderaan akan didaftarkan secara automatik berpandukan sistem

Eksklusif

MySIKAP, sekali gus mampu mengehadkan sebarang manipulasi bagi setiap tempahan slot janji temu.

"Ini berbeza berbanding aplikasi sedia ada kerana pemilik hanya perlu mendaftarkan nombor pendaftaran kenderaan ketika prosedur tempahan janji temu, manakala perinciannya akan diisi secara manual selepas slot disahkan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas insiden terkini membabitkan ejen pusat pemeriksaan kenderaan ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah bagi mendapatkan giliran, bertujuan mempercepat proses pemeriksaan kenderaan tanpa mematuhi peraturan sah.

'Runner' jual slot tempahan

Seorang ejen berusia 60-an ditahan reman lima hari mulai kelmarin kerana disyaki menerima kira-kira RM40,000 daripada pemilik kenderaan yang mahu mendapatkan nombor giliran berkenaan.

Seorang lagi ejen berusia 30-an ditahan reman selama empat hari mulai semalam kerana disyaki menerima rasuah pada jumlah

sama bagi mempercepatkan proses pemeriksaan kenderaan tanpa mengikut prosedur sah.

Penahanan kedua-dua suspek dibuat susulan operasi dijalankan SPRM dengan kerjasama JPJ Putrajaya dan PUSPAKOM sebelum ini.

Sebelum ini, Mahmood mendedahkan, ada orang tengah atau *runner* mengaut keuntungan hampir RM750 bagi jualan setiap slot tempahan janji temu berganda di premis tersebut.

Katanya, antara taktik digunakan adalah menggunakan nombor casis sama, tetapi nombor pendaftaran kenderaan berbeza untuk slot tempahan yang banyak.

"Satu slot janji temu hanya berharga RM3.50, tetapi ada yang menjual sehingga RM750," dedahnya.

Mengenai prosedur mendapatkan slot janji temu sedia ada, Mahmood berkata, pemilik atau wakil pelanggan difuluskan (PAR) boleh membuat tempahan enam bulan lebih awal sebelum tarikh pemeriksaan yang ditetapkan.

Antara taktik digunakan adalah menggunakan nombor casis sama, tetapi nombor pendaftaran kenderaan adalah berbeza untuk slot tempahan yang banyak

Mahmood Razak Bahman,
Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM

Bagaimanapun, katanya, sistem sedia ada akan membekukan slot yang sudah ditempah selama sejam jika tempahan itu dibatalkan, sebelum dibuka semula kepada umum selepas tempoh ditetapkan.

"Isu yang sering berlaku membabitkan pemilik persendirian yang mengoperasikan satu atau dua kenderaan.

"Mereka sering berdepan kesukaran mendapatkan slot seterusnya, jika gagal mematuhi kriteria pemeriksaan ditetapkan.

"Keadaan ini dipercayai menyumbang kepada isu salah laku integriti, terutama dalam kalangan *runner*.

"Saya pernah menyaksikan bagaimana pihak terbabit menjual slot yang sudah ditempah di cawangan PUSPAKOM.

"Namun, kita tidak boleh menghalangnya kerana tiada peruntukan perundangan yang menghalang kedua-dua pihak melakukan transaksi itu.

"Apa yang kita boleh buat adalah menambah baik sistem sedia ada dengan pelancaran MyPUSPAKOM 2.0 kelak," katanya.



Seorang ejen direman empat hari mulai semalam oleh SPRM disyaki menerima rasuah bagi mempercepatkan proses pemeriksaan kenderaan tanpa mengikut prosedur sah di Putrajaya, semalam. (Foto Ihsan SPRM)



METRO AHAD - 23.03.2025 (AHAD)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang ejen di sebuah pusat pemeriksaan kenderaan selepas dipercayai menerima rasuah untuk mendapatkan nombor giliran bagi mempercepat proses pemeriksaan tanpa mengikut peraturan sah.

Menurut sumber, perintah reman lima hari dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin ter-

hadap seorang lelaki berumur 60-an itu selepas SPRM membuat permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya, kelmarin.

"Suspek dipercayai menerima rasuah RM40,000 daripada pemilik kenderaan yang ingin mendapatkan nombor giliran bagi proses pemeriksaan

kenderaan di sebuah pusat pemeriksaan kenderaan.

"Tangkapan suspek berdasarkan operasi dijalankan SPRM dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Putrajaya dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) membabitkan siasatan terhadap bebera-

pa individu dipercayai terbabit sindiket ini," katanya.

Menurut sumber itu, maklumat daripada Bahagian Penguatkuasa [PJ] mendapati ada beberapa individu menyalahgunakan sistem tempahan pemeriksaan Puspakom dengan membuat tempahan secara pukal mengguna-

kan nombor kenderaan secara rawak.

Individu terbabit katanya menawarkan tarikh tempahan yang dibuat kepada pelanggan dengan bayaran ratusan ringgit bagi setiap slot pemeriksaan sebelum membuat penjadualan semula tarikh bagi membolehkan permohonan baru dibuat ke

dalam sistem.

"Modus operandi ini menyebabkan pelanggan biasa tidak dapat membuat tempahan slot pemeriksaan dalam masa terdekat berikutan slot ditempah sepenuhnya oleh ejen berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya Azizul Ahmad Sarkawi mengesahkan tangkapan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

PERCEPAT NOMBOR GILIRAN PUSPAKOM

Ejen terima rasuah RM40,000 ditahan



BERITA HARIAN - 25.03.2025 (SELASA)

Profesor UKM dituduh terima suapan

Shah Alam: Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan rasuah bernilai RM5,701, dua tahun lalu.

Ahmad Rifqi Md Zain, 48 bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan di depan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Menurut pertuduhan, dia didakwa menggunakan kedudukannya sebagai pengetua sebuah kolej kediaman dalam UKM untuk menerima suapan masing-masing berjumlah RM2,000 dan RM3,071.

Itu sebagai upah bagi membantu sebuah syarikat mendapatkan kerja membekal dan menghantar

pakaian t-shirt berkolat, lanyard, mafla dan ziplock beg bagi keperluan pelajar sesi 2023-2024 di kolej kediaman itu.

Ahmad Rifqi didakwa melakukan kesalahan itu di Wisma UNIK-KEB, Bangi pada 24 Mei dan 2 Jun 2023.

Justeru, dia melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang



Ahmad Rifqi Md Zain

lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Aliff Shahruzaman dan Timbalan Pendakwa Raya Muaz Ahmad Khairuddin, manakala tertuduh di-

wakili peguam Mohd Faizi Che Abu dan Yusfarizal Yussoff.

Mohd Aliff memohon supaya mahkamah menetapkan wang jaminan RM15,000 dan tiga syarat tambahan, iaitu menyerahkan pasport antarabangsa kepada

mahkamah, lapor diri ke pejabat SPRM terdekat setiap bulan dan tidak mengganggu saksi.

Mohd Faizi kemudian memohon mahkamah mempertimbang wang jaminan RM5,000 dan tidak mengenakan syarat tambahan untuk menyerahkan pasport kepada mahkamah mengambil kira faktor anak guamnya yang sering ke luar negara bagi tujuan akademik.

Mahkamah menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dengan tertuduh perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM terdekat setiap bulan, selain perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 13 Mei ini.